



LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR

KENYATAAN SEBUTHARGA

Sebutharga adalah dipelawa daripada kontraktor yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM/MOF)**, **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dan **Kerajaan Negeri Selangor** di dalam Kod Bidang yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini untuk kerja berikut:-

Butir-Butir Tawaran	Syarat-Syarat Pendaftaran	Harga Dokumen	Tarikh dan Tempat Lawatan Tapak / Taklimat	Pembelian Dokumen	Waktu & Tarikh Tutup
SEBUTHARGA BAGI PERKHIDMATAN PENYIMPANAN DOKUMEN TIDAK AKTIF LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR (LPHS) DI GUDANG SYARIKAT SWASTA UNTUK TEMPOH DUA PULUH EMPAT (24) BULAN BAGI TAHUN 2026 - 2028 No. Sebut Harga: LPHS/SH/BP/26/01 No. Fail : LPHS.UPA.400-5/6/39	KONTRAKTOR TEMPATAN & Berdaftar Di NEGERI SELANGOR Kod Bidang : 221310 - Penyimpanan Rekod (Surat Kelulusan Daripada Arkib Negara) Kontraktor Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (KKM/MOF) , Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) , Sijil Pematuhan Cukai (TCC) Dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor	RM50.00 Pembayaran Secara Online (FPX) Melalui Sistem Tender Selangor	TIADA (Sebarang Pertanyaan Boleh Rujuk Terus Kepada Jabatan)	Bermula 27 Februari 2026 (Jumaat) sehingga 05 Mac 2026 (Khamis)	06 Mac 2026 (Jumaat) Jam 12.00 tengah hari

Dokumen Meja Sebutharga boleh disemak bermula pada **26 Februari 2026 (Khamis)** pada waktu pejabat di Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) - Bahagian Khidmat Pengurusan. Sebarang pertanyaan boleh menghubungi **016-330 1330 (Unit Pentadbiran Dan Sumber Manusia)** atau **016-229 0449 (Unit Perolehan Dan Aset)**.

Dokumen Sebut Harga **hanya akan dijual melalui Sistem Tender Selangor iaitu di <https://tender.selangor.gov.my>.**

Dokumen Sebut Harga hanya akan dijual secara online kepada pemilik syarikat yang sah dan berdaftar di Sistem Tender Selangor sahaja. Untuk maksud ini, syarikat hendaklah **mempunyai Sijil Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Sijil Pematuhan Cukai (TCC) dan Berdaftar dengan UPEN Selangor** yang mempunyai kod bidang yang ditetapkan serta masih aktif dan tempoh sah laku syarikat masih berkuatkuasa semasa pembelian dokumen sebut harga.

Dokumen Sebut Harga hendaklah diserahkan secara **Hardcopy** yang telah lengkap diisi hendaklah **dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang menyatakan tajuk kerja serta nombor Sebut Harga berkenaan pada sebelah atas kiri sampul** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga **sebelum atau pada pukul 12.00 tengahari, 06 Mac 2026 (Jumaat)** kepada:

Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor
Tingkat 5, Podium Utara
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40503 SHAH ALAM
Selangor Darul Ehsan

Dokumen Sebut Harga yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) tidak terikat menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran Sebut Harga.

Sebarang pindaan kepada tarikh-tarikh yang telah ditetapkan di dalam iklan ini adalah **tertakluk kepada arahan-arahan oleh pihak Kerajaan Malaysia yang sedang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.**

Kenyataan Sebut Harga ini juga boleh dirujuk melalui Laman Sesawang Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) iaitu <http://lphs.selangor.gov.my> dan Sistem Tender Selangor <https://tender.selangor.gov.my>.

Tarikh: 25 Februari 2026 (Rabu)